



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**29 November 2022
04 Jamadilawal 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Nelayan rayu kerajaan lulus lesen tangkapan udang
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Pengguna lega harga ikan kembung turun, stabil
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">•
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
The Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernamea	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		32	29.11.2022

Nelayan rayu kerajaan lulus lesen tangkapan udang

Oleh Zaid Mohd. Noor
zaid.noor@mediamulia.com.my

BESUT: Persatuan Nelayan Besut (PNB) merayu kerajaan meluluskan permohonan nelayan untuk mendapatkan lesen tangkapan udang di pesisir pantai di sini pada musim tengkujuh.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Besut, Tengku Harun Tengku Ismail berkata, seramai 50 pemilik bot nelayan pantai di daerah ini mengemukakan permohonan lesen tersebut sejak September lalu.

Katanya, nelayan terlibat sedia mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan termasuk menggunakan pukot penyisih penyu bagi mengelakkan hidupan laut itu terperangkap dalam pukot.

Katanya, hasil tangkapan udang didapati lebih banyak pada musim Musim Timur Laut yang bermula Disember ini hingga Mac depan.

"Pada musim tengkujuh, ia

Utusan ms22 2946



SEBAHAGIAN daripada bot nelayan pantai yang terdapat di negeri Terengganu. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

adalah musim udang di pesisir pantai namun nelayan tidak dibenarkan menangkap udang sekiranya tidak mempunyai lesen daripada Jabatan Perikanan.

"Nelayan memohon lesen tersebut untuk membolehkan

mereka menangkap udang secara sah pada musim tengkujuh," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Difahamkan, kebiasaannya udang putih adalah antara jenis udang yang banyak terdapat di

pesisir pantai di negeri ini pada Monsun Timur Laut.

Tengku Harun memberitahu, hasil tangkapan udang yang banyak itu dapat membantu menambah pendapatan untuk menyara keluarga.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	16	29.11.2022

Pengguna lega harga ikan kembung turun, stabil

SUNGAI PETANI – Harga ikan kembung segar di Kuala Muda kembali stabil susulan peningkatan hasil tangkapan ikan rakyat itu sejak kelmarin.

Tinjauan di pasar pagi Tikam Batu di sini mendapati, harga ikan kembung kini dijual sekitar RM7 hingga RM13 sekilogram (kg) berbanding dijual dengan harga RM15 hingga RM18 sekilogram sebelum ini.

Peniaga ikan di pasar Tikam Batu, Mohd. Shamil Zulkifli, 27, berkata, bekalan ikan kembung segar setakat ini diambil daripada nelayan dari Kuala Muda, Pulau Pangkor dan Pantai Remis, Perak.

Katanya, keadaan cuaca yang semakin pulih selain faktor bulan penuh dan air pasang juga menjadi penyumbang kepada peningkatan hasil tangkapan nelayan ketika ini.

"Bekalan ikan kembung gred A diambil dari Pulau Pangkor dan Pantai Remis dan dijual dengan harga RM13 sekilogram.

"Manakala ikan kembung

gred B diambil daripada nelayan Kuala Muda dan dijual dengan harga RM10 sekilogram," jelasnya ketika ditemui.

Katanya, selain ikan kembung, ikan lain yang mengalami penurunan harga ialah ikan jenahak

"Ikan jenahak hari ini (semalam) dijual dengan harga RM31 sekilogram berbanding RM36 sekilogram semalam (kelmarin).

"Ikan bawal emas dan bawal hitam kekal dengan harga RM32 sekilogram," ujarinya.

Tambahnya, penurunan harga ikan kembung itu mendapat reaksi positif daripada para pelanggan.

"Pembelian untuk kembung kini meningkat sejak semalam (kelmarin) susulan penurunan harga ini.

"Jika sebelum ini, setiap pelanggan beli ikan kembung tidak sampai sekilo tetapi sejak semalam kebanyakan pelanggan membeli purata 1kg hingga 2kg seorang," katanya.



ORANG ramai membeli hasil laut di pasar pagi Tikam Batu, Sungai Petani semalam.